

KRISIS
PERLANTIKAN DATO' MUDA LINGGI
YANG KE VIII

Olih:
SHAARI BIN AWALUDDIN

untuk keperluan
kursus AE 340

Jabatan Sejarah Universiti Malaya
Kuala Lumpur.

1978/79.

PRAKATA

Sebagai memenuhi keperluan kursus AE 347 dalam Jabatan Sejarah Universiti Malaya di mana tiap-tiap penuntut diwajibkan menyediakan satu mini-thesis, saya telah mengambil kesempatan ini untuk menaparkan satu krisis adat yang berlaku di tempat saya, Linggi, pada tahun 1974 dahulu, di mana pertembungan nilai-nilai budaya yang berbeza telah mencetuskan persolisihan saham antara puak-puak yang mengamalkannya. Krisis-krisis seumpama ini telah berasa berlaku di Linggi sejak empat atau lima jenarasi yang lalu, tetapi kajian yang saya komukakan ini hanya bertumpu kepada krisis yang terakhir sekali iaitu antara tahun 1974 - 1976, kerana, sepanjang pengetahuan saya, ia belum pernah lagi dinamarkan secara detail dan ilmiah oleh mana-mana pengkaji, sedangkan krisis-krisis sebelumnya telah pernah dikemukakan oleh beberapa pengkaji.

Kajian yang kecil ini dapat saya hasilkan dengan adanya kerjasama dari beberapa orang, terutama sekali Encik Zaharin bin Hj. Maulud yang menjadi Datuk Muda Linggi yang sekarang yang mana, di samping sudi meluangkan masa yang amat berharga itu untuk bertemu bual beberapa kali dengan saya di rumahnya, telah juga bermurah hati meminjamkan saya beberapa dokumen penting mengenai kajian ini dan membentarkan sebahagian daripadanya diciptakan sebagai lampiran dalam kajian ini. Kepada beliau saya sangat-sungguh terhutang budi dan berterima kasih. Saya juga terhutang budi dan

berterima kasih kepada Tuan Hj. Mohd. Yusof bin Ahmad, orang tua Linggi yang sangat kaya dengan pengalaman dan pengetahuan itu yang juga telah sudi untuk bertemu bual dengan saya sebanyak dua kali, lebih-lebih lagi atas kesudian beliau meminjamkan saya naskhah thesis Mohd. Ali Rahlan mengenai sejarah politik Linggi yang ada dalam simpanan beliau dan telah saya gunakan sebagai sumber yang penting untuk kajian ini.

Mungkin kajian ini akan lebih lengkap dan bernilai lagi sekiranya saya telah berjaya menemurah dua orang lagi tokoh yang memainkan peranan yang sangat penting dalam krisis yang dikaji ini, tetapi malangnya keadaan tidak membenarkan saya berbuat demikian. Dua orang tokoh yang saya maksudkan itu ialah Tan Sri (Dr.) Mohd. Said bin Mohammad, bekas Menteri Besar Negeri Sembilan dan Datuk Kelana Putera Mohd. Kassim bin Datuk Nika Hj. Abd. Rashid, Undang Luak Sungai Ujung. Tan Sri Dr. Mohd. Said tidak dapat saya temui kerana beliau terlalu uzur dan enggan ditemui, semontara Datuk Kelana Mohd. Kassim pada masa kajian ini dibuat sedang berada di England bagi mendapatkan rawatan perubatan di sana.

Akhirkata, saya berharap kajian kecil ini akan dapat menolong menambahkan lagi bahan-bahan atau khazanah sejarah tempatan tanahair yang mungkin berguna sebagai bahan kajian sejarah untuk pengaji-pengkaji akan datang.

KANDUNGAN

1. Prakata	1
2. Kandungan	iii
3. Pengenalan	1
4. Institusi Datuk Muda Linggi	3
5. Krisis Perlantikan Datuk Muda Linggi ke 8	6
6. Kesimpulan	20
7. Lampiran	24
8. Informan-informan Utama	27
9. Senarai Sojokan	28

-----oooo0ooo-----

Pengenalan:

Jika seseorang sejarawan membuat kajian mengenai sejarah Negeri Sembilan dalam period antara kurun ke 18 hingga ke pertengahan kurun ke 20, ia pasti akan mendapati bahawa sejarah Sungai Ujung, yang sekarang dikenali sebagai Seremban, akan menjadi bahagian yang penting dalam kajiannya itu, sebab Sungai Ujung adalah penting dari bagi politik dan ekonomi Negeri Sembilan. Apabila dibuat kajian yang mendalam terhadap sejarah Sungai Ujung pula, sejarawan akan berdepan dengan satu daripada unit-unit politiknya yang agak penting, iaitu Linggi.

Pentingnya Linggi didalam sejarah Sungai Ujung ialah kerana peranan yang dimainkan oleh Sungai Linggi terhadap ekonomi Sungai Ujung khasnya dan Negeri Sembilan amnya, dimana ia menjadi jalan utama keluar masuk ke Sungai Ujung sebelum British membangunkan infra-structure yang moden iaitu jalan raya dan jalan keretapi untuk menghubungkan Sungai Ujung dengan kawasan pantai Selat Melaka. Juga pentingnya Linggi didalam sejarah Sungai Ujung ialah kerana uniknya sistem politiknya yang berbeza dari unit-unit politik yang lain diNegeri Sembilan yang rata-rata mengamalkan adat Perpatih itu. Bagitu juga hubungan diantara Linggi dengan Sungai Ujung dan Negeri Sembilan seluruhnya adalah berlainan sekali dengan hubungan unit-unit politik yang lain dengan Negeri Sembilan dimana wilayah Linggi dengan pembesar-pembesarnya itu dianggap separuh merdeka (semi-independent) dan tidak tertakluk kepada Sungai Ujung,¹ walaupun ia terletak didalam luak Sungai Ujung. Lantaran perbezaan-perbezaan ini telah mengujudkan banyak pertikaian serta krisis-krisis politik diLinggi terutama sekali sepanjang abad ke 20 ini, yang mana satu daripadanya akan menjadi perbincangan utama dalam penulisan ini nanti.

1. Lihat J.M. Gullick, 'Sungai Ujung', JMBRAS Vol. XXII, Pt 2, 1949 hal. 61

Telah banyak penulisan-penulisan sejarah dibuat mengenai Sungai Ujung terutama sekali oleh sarjana-sarjana Inggeris pada abad pertama kurun ke 20 ini.¹ Dalam kesemua penulisan-penulisan itu ada menyebut tentang Linggi sama ada secara sambil lalu sahaja atau membuat tumpuan khas mengenainya.² Disamping itu, beberapa kajian ilmiah juga telah dibuat mengenai sejarah, sistem politik dan adat Linggi oleh beberapa orang penuntut universiti untuk keperluan ijazah mereka.³ Orang-orang Linggi sendiri pun ada membuat kajian dan catitan-catitan mengenai sejarah Linggi, terutama sekali mengenai asal-usul Linggi, tradisi-tradisi orang Linggi serta peristiwa-peristiwa penting didalam sejarah Linggi berdasarkan dokumen-dokumen yang ditulis oleh orang-orang Linggi sendiri atau pun berdasarkan penceritaan-penceritaan mulut oleh orang tua-tua mereka.⁴

-
1. Antaranya: J.M. Gullick, *Ibid*; R.O Winstedt, 'Negeri Sembilan, The History, Politics and Beliefs of the Nine States', JMBRAS, Vol. XII, Pt. 3, Okt. 1934; R.J Wilkinson, 'Sungai Ujung', JSBRAS, NO. 83, 1921.
 2. Misalnya, J.M. Gullick, op. cit.
 3. Misalnya, Mohd Ali Dahlan, Linggi, Sejarah Perkembangan Sistem Politiknya Abad 19 dan 20, thesis BA. (Hons), Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1974/75; Abd Aziz Salleh, Sejarah Linggi dari tahun 1800-1874, untuk Ijazah Sarjana Muda Sastera, Jabatan Sejarah Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973; dan Mohd. Ali Hj. Abd. Aziz, Sejarah dan Adat Linggi, untuk B.A (Hons) Jabatan Pengajian Melayu U. Malaya, 1960.
 4. Ini dijelaskan oleh Tan Sri Dr. Mohd. Said, bekas Menteri Besar N. Sembilan, seorang waris Linggi, dalam ucapan beliau semasa mesyuarat ramai waris-waris Linggi pada 29.9.1974. (Salinan teks ucapan tersebut dipinjamkan sebagai salah satu dokumen yang menjadi sumber untuk kajian ini oleh En. Zaharin bin Hj. Maulud, Datuk Muda Linggi yang sekarang.) Antara mereka ialah Tan Sri Dr. Said sendiri, Hj. Mohd. Yusuf b. Ahmad, Datuk Panglima Perang Abd. Samad dan En. Salleh b. Bulat. Hasil kajian dan catitan-catitan mereka ini tidak ada yang diterbitkan dalam bentuk buku. Cuma Dr. Said ada menulis artikel mengenai Sejarah Linggi dalam akhbar Straits Times pada 28.5.1973.

Institusi Datuk Muda Linggi

Semenjak tahun 1800 apabila Linggi dibuka oleh sekumpulan orang-orang Bugis dari Riau dari keturunan Datuk Awaludin dan kakaknya Tok Srilah,¹ wilayah itu telah ditadbir oleh seorang ketua yang hingga hari ini bergelar 'Datuk Muda'. Beliau dibantu oleh tiga orang pembesar iaitu Datuk Panglima Besar, Datuk Panglima Perang dan Datuk Laksamaha, Walaubagaimana pun, dua orang ketua yang mula-mula dahulu iaitu Lebai Dolman dari Jeragan Abdul Rahman tidak bergelar Datuk muda tetapi bergelar 'penghulu' atau biasa disebut 'Datuk Linggi'.² Gelaran Datuk muda itu mula dipakai apabila Mohd. Attas menjadi ketua dari tahun 1800-1850 kerana sebelum itu ia dikatakan telah membantu bapa mertuanya Jeragan Abdul Rahman yang menjadi Datuk Linggi yang ke 2 mentadbir Linggi selama beberapa tahun disebabkan beliau kerap keluar meninggalkan Linggi kerana berniaga.³ Apabila Mohd Attas mewarisi jawatan penghulu itu selepas kematian Jeragan Abd. Rahman, gelaran 'Datuk Muda' yang biasa disebutkan kapadanya semasa ia memangku jawatan bapa mertuanya itu, lekat padanya dan seterusnya dipakai secara resmi oleh ketua-ketua yang kemudian hingga ke hari ini.⁴ Jadi, Mohd. Attas biasa dianggap sebagai Datuk Muda Linggi yang pertama.

Datuk muda Linggi berkuasa penuh didalam wilayahnya dan berkuasa menyelesaikan dan menguruskan perkara-perkara yang bersangkut paut dengan adat resam orang-orang Linggi.⁵ Kerana kuasanya itu ia dikatakan "bergajah tunggal-menggenting putus, meliang tembus, memakan habis membunuh mati".⁶

-
1. J.M. Gullick, op cit.
 2. Mohd. Ali Dahlan, op. cit, hal 68
 3. Ibid, hal, 69
 4. Ibid,. Ini juga dijelaskan dalam surat A Caldecott, Residen British di Negeri Sembilan kepada D. Kellana Putra Mamor, No in G, 233/30, bertarikh 17 Feb 1930, dipinjamkan untuk bahan penulisan ini oleh En. Zaharin, D. Muda Linggi yang sekarang
 5. Ibid, hal. 73
 6. J.M. Gullick, op. cit, hal. 60.

Hal ini terjadi kerana waris Linggi tidak dapat mencapai kata sepakat atau kebulatan dalam mengemukakan seorang pengantil sedangkan Datuk Kelana hendakkan keputusan yang "bulat telur berkupas".¹ Hanya pada tahun 1936 baharulah masalah itu dapat diselesaikan dengan terlantiknya Hassan bin Pok sebagai Datuk muda yang ke 5 mengikut satu sistem perlantikan secara adat Perpatih, iaitu mengikut sistem berperut secara bergilir-gilir². Sistem ini-lah yang digunakan untuk melantik Datuk-datuk muda yang berikutnya hingga sekarang.

Melalui sistem berperut-perut secara adat Perpatih ini, waris-waris Linggi dibahagikan kepada tiga perut mengikut keturunan dari sebelah ibu masing-masing, iaitu Perut Solok, Perut Hilir dan Perut Pengkalan. Ini dibuat oleh Datuk Kelana Maamor bin Kassim dalam tahun 1931 setelah tidak dapat sebarang penyelesaian terhadap krisis perlantikan Datuk Muda bagi menggantikan Datuk Muda Mohd. Bustam yang meninggal pada tahun 1912 itu³. Hassan bin Pok yang dilantik menjadi Datuk muda yang ke 5 itu adalah dari Perut Hilir, sementara Syed Ahmad yang menggantikannya dari Perut Pengkalan, Hj. Yahya selepasnya adalah waris dari Perut Solok dan akhir sekali, Zaharin Hj. Maulud, Datuk Muda yang sekarang, dari Perut Hilir semula. Agak menarik juga, Datuk-datuk muda sebelum Hassan bin Pok juga seolah-olah telah sedia dilantik mengikut giliran perut masing-masing. Giliran semua Datuk-datuk muda Linggi serta perut masing-masing adalah seperti berikut,-

-
1. Temubual dengan Tuan Hj. Mohd. Yusuf b. Ahmad.
 2. J.M. Gullick, op.cit., hal. 62 .
 3. Ibid. Juga Mohd. Ali Dahlan, op. cit., hal. 216.

- | | |
|----------------------------|---|
| 1. Labai Dolman | - Datuk Linggi I (Penghulu). |
| 2. Jeragan Abd. Rahman | - Datuk Linggi II (Penghulu). |
| 3. Mohd. Katas (Attas) | - Datuk Muda I - Perut Solok. |
| 4. Hj. Mohd. Salleh | - Datuk Muda II - Perut Hilir. |
| 5. Mohd. Peral (Perghal) | - Datuk Muda III - Perut Pengkalan. |
| 6. Mohd. Bustam | - Datuk Muda IV - Perut Solok. |
| 7. Hassan b. Pok | - Datuk Muda V - Perut Hilir. |
| 8. Syed Ahmad b. Syed Mohd | - Datuk Muda VI - Perut Pengkalan. |
| 9. Hj. Yahya b. Abu | - Datuk Muda VII - Perut Solok. |
| 10. Zaharin b. Hj. Maulud | - Datuk Muda VIII - Perut Hilir. ¹ |

Walau pun sistem berperut-perut secara adat Perpatih itu bertujuan untuk menyelesaikan masalah-masalah dan pertikaian-pertikaian yang berbangkit dari perlantikan Datuk Muda, namun krisis tetap berlaku semasa perlantikan Datuk-datuk muda kemudian daripada Hassan b. Pok. Krisis-krisis itu pada keseluruhannya timbul kerana penentangan segolongan waris-waris Linggi yang anti-adat Perpatih yang digunakan untuk melantik Datuk-datuk muda itu, dan berusaha untuk membasmi sistem itu dan digantikan dengan sistem mereka sendiri yang dikatakan adat "muafakat dan kebulatan" yang diwarisi mereka semenjak mula-mula Linggi dibuka dahulu². Krisis yang agak besar telah berlaku semasa memilih ganti kepada Datuk muda yang ke 7, Hj. Yahya bin Abu yang telah meninggal dunia pada 9hb. Ogos 1974. Krisis ini akan menjadi pokok penulisan ini selanjutnya.

Krisis Perlantikan Datuk Muda Linggi yang ke 8

Selepas kematian Datuk Muda Linggi yang ke 7 iaitu Hj. Yahya bin Abu, pada 9hb. Ogos 1974, Zaharin bin Hj. Maulud, seorang waris dari Perut Hilir telah dilantik dengan resmi oleh Datuk Kelana Putera Mohd. Kassim bin Datuk Nika Hj. Abd. Rashid,

-
1. Lihat salasilah dlm J.M. Gullick, op. cit., juga salasilah yang dilampirkan dibelakang penulisan. Salasilah ini dilampirkan dengan ihsan En. Zaharin Hj. Maulud, Datuk Muda Linggi yang sekarang.
 2. Lihat Mohd Ali Dahlan, op. cit.

Undang Luak Sungai Ujung, pada 10hb. April 1976¹, iaitu setelah hampir 2 tahun Datuk Muda Hj. Yahya meninggal dunia. Seperti juga perlantikan Datuk-datuk muda sebelumnya, perlantikan Datuk Muda Zaharin ini juga tidak lepas dari krisis yang menyebabkan jawatan itu tergantung selama hampir dua tahun.

Krisis ini bermula pada hari kematian Datuk Muda Hj. Yahya. Semasa jenazah Allahyarham masih terbujur menunggu untuk diuruskan, Zaharin dengan disokong oleh beberapa orang waris-waris tua dari Perut Hilir telah mengisyaratkan dirinya sebagai Datuk Muda yang baharu bagi menggantikan Datuk muda yang meninggal itu². Tindakan ini dilakukannya kerana dua sebab:

1. Mengikut adat, apabila Datuk muda meninggal dunia hendaklah dilantik penggantinya dengan segera sebelum jenazah itu diuruskan supaya Datuk muda yang baharu itu dapat mengeluarkan perintah untuk menguruskan jenazah tersebut. Ini berdasarkan kapada perbilangan adat yang berbunyi "Datuk muda meninggal, Datuk muda mengkebumikan, Datuk muda baru dilantik sebelum Datuk muda dikebumikan". Kalau ini tidak dilakukan, bermakna Datuk muda yang meninggal itu akan membawa bersama-sama tanggong-jawab jasanya itu kekubur dan akan tambah menyiksa rohnya yang akan menghadapi hukuman Allah. Tetapi, dalam hal ini, pada hari tersebut, Datuk Panglima Besar Hj. Mohammad bin Pok yang bertanggungjawab menjalankan istiadat perlantikan Datuk muda yang baharu, telah enggan menjalankan tugasnya itu. Bila ditanya oleh anak-anak buah beliau cuma menjawab "Engkau semua apa tahu. Saya Datuk Panglima Besar, sayalah yang tahu". Kerana itu waris-waris tua dari Perut Hilir terpaksa bertindak.

-
1. Penjelasan D.M Zaharin semasa temuiual dengannya.
 2. Penulisan sendiri menyaksikan peristiwa ini semasa menziarah kematian D.M Hj. Yahya.

- 2o. Datuk Panglima Besar Hj. Mohd bin Fok (adik kepada Hassan b. Fok, Datuk muda yang ke 5) telah punya rancangan untuk menyandang sendiri jawatan Datuk muda itu. Ini telah diberitahu sendiri kepada Zaharin oleh abang sepupunya Mohd. Shah b. Mohd Jan. Mohd Shahlah yang menjadi penggalak utama supaya tindakan itu dijalankan. Inilah yang menjadi sebab mengapa Datuk Panglima Besar enggan menjalankan istiadat mengisytiharkan ganti Datuk muda pada hari kematian terselut, Waris-waris Perut Hilir terpaksa bertindakan untuk menggagalkan rancangan Datuk Panglima Besar itu.¹

Kejadian itu hampir mencetuskan percaduhan pada hari itu apabila anak-cucu serta anak-anak buah Datuk muda Hj. Yahya marah serta membentok setelah tidak dibenarkan memandikan jenazah Allahyarhan. Walaubagaimana pun setelah campurtangan pehak polis dan beberapa orang tua Linggi, waris-waris Perut Hilir bersetuju menangguhkan perlantikan itu sehingga ke suatu masa kemudian.²

Jika mengikut salasilah waris Linggi bahagian Perut Hilir, iaitu Perut yang mempunyai giliran untuk menyandang jawatan Datuk muda yang ke 8 ini, yang paling berhak menyandang jawatan itu ialah Mohd. Shah bin Mohd Jan.³ Kali terakhir Perut Hilir mempesekai jawatan Datuk muda ialah semasa Datuk muda yang ke 5 dahulu yang disandang oleh Hassan bin Fok dari keturunan Jaemah (emaknya).⁴ Giliran Perut Hilir kali ini pula jatuh kepada keturunan Empah (adik Jaemah).

-
- 1o. Terubual dengan Datuk Muda Zaharin.
- 2o. Penulis menyaksikan sendiri. Juga lihat Mohd. Ali Dahlan, op. cit., hal. 235.
- 3o. Lihat salasilah lampiran. Ini juga dijelaskan oleh D. Muda Zaharin.
- 4o. Lihat salasilah.

Empah mempunyai dua orang anak perempuan yang ada anak lelaki, iaitu Sibok atau Bok yang beranakkan Mohd. Shah, dan Kecik yang beranakkan Zaharin¹. Kerana emak Mohd. Shah (Bok) lebih tua dari emak Zaharin (Kecik), maka mengikut giliran, Mohd. Shah yang sepatutnya menyandang jawatan itu². Walau bagaimana pun, Datuk Kelana mempunyai kuasa terakhir untuk memutuskan siapa yang akan menyandang, kerana pemilihan itu juga adalah berdasarkan kelayakan dan kebolehan seseorang calun³.

Datuk Panglima Besar, Hj. Mohd bin Pok, yang cuba mendapatkan jawatan itu, walau pun ia juga dari Perut Hilir, sebenarnya tidak mempunyai hak ke atas jawatan Datuk muda yang ke 8 ini kerana ia keturunan Jaemah dan giliran perut Jaemah telah pun disandang oleh abangnya Hassan bin Pok yang menjadi Datuk muda yang ke 5 dahulu. Namun demikian, ia tetap mencuba mendapatkan jawatan itu mungkin kerana memandangkan pada masa dahulu seseorang Datuk Panglima Besar juga pernah naik menyandang Datuk muda⁴.

Sementara itu, waris-waris Linggi yang menentang adat berperub-
perut itu telah juga membuat rancangan bagi menaraskan perjuangan mereka.
Mereka telah membentuk satu jawatankuasa sementara yang dinamakan Jawatan-
kuasa sementara waris-waris Linggi, terdiri dari 15 orang anggota yang di-
pengurusikan oleh Harun bin Abd. Hadi⁵. Diantara ahli-ahli jawatan kuasa
tersebut termasuklah Tan Sri Dr. Mohd. Said bin Mohammad, bekas Menteri
Besar Negeri Sembilan. Beliaulah jaguh yang paling gigih menentang peng-
afah adat Perpatih dilinggi dan menerajukan konsep adat "muafakat dan ko-
bulatan" orang-orang Linggi yang dikatakan dipusakai sejak dari zaman Datuk
Awaludin itu, dan dalam krisis kali ini beliaulah yang menjadi penggerak

-
1. Lihat salasilah
 2. Menurut penjelasan D. Muda Zaharin
 3. Penjelasan Datuk Muda Zaharin
 4. Misalnya D. Muda Hj. Yahya, sebelum menjadi D. Muda, telah menyandang jawatan D. Panglima Besar. Lihat Mohd. Ali Dahlan, op. cit., hal. 227.
 5. Mohd. Ali Dahlan, Ibid., hal. 411.

utama menubuhakan jawatankuasa sementara itu bagi menentang perlantikan Datuk muda baharu mengikut sistem berperut-perut itu¹.

Jawatankuasa tersebut telah mengadakan mesyuarat bagi menentukan tindakan dan strateji yang harus mereka buat. Hasilnya, mereka telah mengambil keputusan untuk mengadakan satu mesyuarat ramai waris-waris dimana mereka akan mengundi secara pilihan raya untuk memilih seorang Datuk Muda². Jawatankuasa itu telah menetapkan tarikh 29hb. September 1974 sebagai hari mesyuarat ramai itu bertempat didewan Sekolah Menengah Linggi.

Pada 10hb. September 1974, jawatankuasa itu telah menulis surat kepada Datuk Kelana Sg. Ujung mengjemput beliau atau wakilnya hadhir untuk menyaksikan mesyuarat ramai serta pilihan raya itu. Tetapi, dalam surat jawapan oleh Setia Usaha Datuk Kelana bertarikh 23hb. September, 1974 yang dihantar kepada Harun bin Abd. Hadi selaku pengurus jawatankuasa tersebut, menyatakan bahawa Datuk Kelana atau wakilnya tidak dapat hadir dan bercampur sama dalam majlis itu kerana perkara itu bertentangan dengan "pesaka adat dan kata harcari diantara waris-waris hendak memilih bakal Datuk Muda Linggi." Balai Undang hanya dapat menunggu kebulatan sahaja, iaitu kebulatan dari pihak waris-waris Linggi diantara perut-perut mengikut giliran pusaka³. Dengan kata lain, Datuk Kelana tidak bersetuju dengan cara pemilihan Datuk Muda melalui pilihan raya itu, tetapi mahukan pemilihan dibuat berdasarkan giliran perut-perut yang telah ditetapkan. Iain-lain pemerhati yang dijemput untuk pemilihan itu ialah wakil Datuk Shahbandar Sungai Ujung, Setia Usaha Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan dan Pegawai Daerah Port Dickson.⁴

1. Dari tembusual dengan Hj. Mohd. Yusuf b. Ahmad.

2. Mohd. Ali Dahlan, op. cit., hal. 235.

3. Dari salinan surat tersebut yang ada dalam simpanan D. Muda Zaharin.

4. Lihat Mohd. Ali Dahlan, op. cit., hal. 412.

Seterusnya, pada 12hb September 1974, Jawatankuasa tersebut telah menghahtar surat-surat kepada semua waris-waris Linggi yang berada didalam dan luar Linggi meminta mereka hadir pada masa dan tempat yang telah ditetapkan itu. Sementara itu Dr. Mohd. Said telah pergi berjumpa dengan Tuan Hj. Mohd. Yusuf bin Ahmad¹ dirumahnya meminta beliau bersetuju untuk dicalunkan ke jawatan Datuk Muda itu. Hj. Mohd. Yusuf pada mulanya menolak tawaran itu kerana beliau tidak mahu terlibat secara langsung didalam konflik itu, tambahan pula ia telah tua dan selalu uzur. Baginya, biar siapa pun dan bagaimana pun ia dilantik, asalkan tujuannya baik, ia tidak menentang. Tetapi Dr. Mohd. Said tidak berpuas hati dan sebagai seorang yang beraifat keras hati, ia tetap menggesa Hj. Mohd. Yusuf supaya menerima pencalonan itu dengan berbagai-bagi alasan, malah hingga mengancam tidak akan menjajakan kakinya lagi kerumah Hj. Mohd. Yusuf sekiranya beliau tidak bersetuju². Jadi, untuk mengelakkan daripada berlakunya perselisihan peribadi diantaranya dengan Dr. Mohd. Said, Hj. Yusuf telah bersetuju dicalunkan. Sementara itu, seorang lagi waris Linggi yang bernama Hj. Ismail bin Hj. Jalal³ telah juga membuat persediaan untuk dicalunkan oleh kaum keluarga dan penyokong-penyokongnya, antaranya ialah Kassim bin Harun⁴.

Pada hari mesyuarat ramai waris-waris Linggi itu, seramai lebih kurang 230 orang waris-waris Linggi tidak kira keturunan sebelah ibu atau bapa, telah datang kedewan Sekolah Menengah Linggi untuk menghadiri mesyuarat dan mendafikar diri sebagai pengundi bagi memilih Datuk Muda. Majlis telah memilih Dr. Mohd. Said sebagai pengurus mesyuarat.

-
1. Beliau ialah seorang tua Linggi yang bijak dan penuh pengalaman serta dihormati dan terkenal sebagai seorang yang punya prinsip-prinsip hidupnya yang termendiri. Adik kepada pendita Za'ba, beliau pernah, antara lain, berkhidmat sebagai Pen. Pengetua MPSI Tg. Malim, menjadi Ahli Majlis Persekutuan dan mendai Setia Usaha Sulit kepada DYMM Yang DI Pertuan Agung yang pertama dahulu sebelum bersara dan tinggal menetap di Linggi, kampung asalnya.
 2. Tembuual dengan Hj. Mohd. Yusuf dirumahnya.
 3. Beliau ialah seorang bekas sarjan Polis sekarang tinggal menetap di Kepung Baru, Selangor dan menjadi ketua UPMO Cawangan Kepung Baru.
 4. Kassim bin Harun (Allahyarham) seorang guru dan bekas Presiden KGFMB (Kesatuan Guru-guru Melayu Malaysia Barat).

Selaras mesyuarat itu diberhentikan, Dr. Mohd Said telah berunding dengan ahli-ahli jawatankuasa dan meminta Hj. Ismail menarik diri, tetapi beliau enggan. Setelah tidak dapat sebarang keputusan, Dr. Mohd. Said telah merayu kepada majlis supaya memujuk Hj. Ismail menarik diri. Untuk mengelakkan daripada berlaku percaduhan dan juga perpecahan yang lebih mendalam di kalangan penduduk-penduduk Linggi, Kassim Harun dengan persetujuan calumnya telah menarik semula pencalunannya itu sambil memberi komen dengan mengatakan bahawa beliau mengemukakan calun itu dengan sahaman bahawa tiap-tiap waris Linggi berhak dicalun dan mencalunkan¹. Dari remark yang dibuatnya itu jelas perasaan tidak puashatinya terhadap sikap otokratis Dr. Mohd. Said. Bila mesyuarat disambung semula dengan Dr. Mohd. Said meminta pencalunan yang lain, tidak ada calun lain yang dikemukakan. Mungkin waris-waris yang hadir itu tidak berani lagi mengemukakan calun-calun yang lain. Dengan itu, mesyuarat tersebut telah 'sebulat suara' memilih Hj. Mohd. Yusuf sebagai Datuk Muda Linggi.

Perasaan tidak puashati Kassim Harun itu terbukti apabila besoknya beliau telah menulis surat bantahan kepada Datuk Kelana Putera Undang Luak Sungai Ujung mengadukan apa yang telah berlaku dalam mesyuarat yang telah dianjurkan oleh Dr. Mohd. Said itu². Dalam surat itu, beliau mengemukakan rasa tidak puashati penyokong-penyokong Hj. Ismail yang ramai bilangannya itu dan menganggap mesyuarat itu tidak sah kerana sepatutnya ia dijalankan oleh Pegawai Daerah Port Dickson mengikut keputusan yang telah diambil oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan, dan bukan oleh jawatankuasa yang tidak dilantik oleh mana-mana badan pun itu.

1. Mohd. Ali Dahlan, op. cit., hal. 395

2. Ibid.

Kassim Harun seterusnya meminta Datuk Kelana supaya tidak mengiktiraf Datuk muda yang baharu dilantik itu dan mencadangkan supaya jawatan itu digantung dahulu selama satu tahun.

Agak aneh juga bila kita mengkaji tindakan yang diambil oleh Kassim Harun itu. Beliau termasuk salah seorang daripada golongan waris-waris Linggi yang menentang pengaruh adat Perpatih serta kuasa dan campur tangan Datuk Kelana dalam institusi politik Linggi yang dipelopori oleh Dr. Mohd. Said itu. Tetapi dalam keadaan yang genting bagitu, beliau telah berpaling kepada Datuk Kelana dan mengakui kuasa Datuk Kelana dalam institusi politik Linggi itu. Sikap beliau itu sudah pasti mewakili ramai lagi waris-waris Linggi yang menyokong Hj. Ismail. Sikap waris-waris yang menyokong adat berperut-perut itu memang tidak perlu diragukan lagi. Jadi, ini bermakna hilangnya waris-waris Linggi yang benar-benar menentang sistem adat berperut-perut yang diwakili oleh Dr. Mohd. Said itu pasti tidak sampai separuh. Pendapat ini boleh dianggap berdasas kerana Kassim Harun sendiri mengakui bahawa tidak sampai 1/3 daripada jumlah waris Linggi bersetuju dengan lantikan Hj. Mohd. Yusuf sebagai Datuk Muda itu.¹

Bagi Datuk Kelana, tindakan Kassim Harun itu merupakan seperti 'pucuk dicita ulam mendatang', kerana sabqaimana yang kita ketahui, beliau tidak bersetuju dengan pemilihan Datuk muda secara pilihanraya itu. Ini terbukti apabila beliau telah tidak menerima perlantikan Haji Mohd. Yusuf itu kerana dari keadaan-keadaan yang timbul itu jelas tidak terdapat kata 'bulat telur berkupas' yang dikehendakinya. Beberapa kali Dewan Keadilan dan Undang menjadakan mesyuarat untuk mendapat-

oleh Datuk Muda Hj. Yahya semasa hayatnya. Langkah-langkah yang diambil oleh waris-waris keturunan Empah ini telah diterima oleh Datuk Kelana dan beliau telah menegaskan bahaya giliran kali ini adalah giliran perut Empah. Dengan pengakuan ini, usaha Datuk Panglima Besar untuk menyandang pesaka itu telah gagal.

Setelah menyedari kemungkinan yang beliau tidak akan berjaya menyandang pesaka Datuk Muda itu, Datuk Panglima Besar telah terpaksa menjalankan tugasnya untuk mengumpulkan waris-waris tua dalam Retut Hilir bagi memilih seorang calun Datuk Muda. Pada 1hb Disember 1974, dengan disokong oleh 8 orang waris-waris Perut Hilir dan 3 orang waris-waris Perut Solok, Datuk Panglima Besar telah memilih Mohd. Shah bin Mohd. Jea sebagai calun Datuk muda untuk dikemukakan kepada Datuk Kelana¹. Dalam suratnya kepada Datuk Kelana bertarikh 2hb Disember 1974 mengenai pemilihan tersebut, beliau menyatakan ada menjemput Zaharin Hj. Maulud hadir sama tetapi katanya Zaharin enggan hadir kerana ia difahamkan bahawa Zaharin juga inginkan jawatan itu. Mengenai hal ini, Zaharin menjelaskan bahawa keingganan beliau adalah kerana beliau telah menyedari Mohd. Shah telah memperalatkannya untuk kepentingan dirinya sendiri. Mohd. Shah berpaling tадah memehak kepada Datuk Panglima Besar untuk mendapatkan jawatan Datuk muda itu, pada hal semasa meminta Zaharin memperjuangkan hak mereka (Keturunan perut Empah) dahulu ia telah berjanji menyerahkan pesaka itu kepada Zaharin².

-
1. Salinan surat D. Pang. Besar kepada D. Kelana memaklumkan hal tersebut.
 2. Dari temubual dengan D. Muda Zaharin.

Pencalonan Mohd. Shah yang dikemukakan oleh Datuk Panglima Besar itu nyata tidak dipersetujui oleh Datuk Kelana. Ini disebabkan oleh adanya kriteria-kriteria lain selain dari keturunan mengikut pokok yang menentukan layak atau tidaknya seseorang calon itu dilantik menjadi Datuk muda, misalnya, latarbelakang pendidikan, kebolehan memerintah, pengetahuan tentang adat-istiadat dan cacat-celanya seseorang itu¹. Berdasarkan kriteria-kriteria ini menyebabkan kegagalan Mohd. Shah mendapatkan pengesahan Datuk Kelana kerana beliau tahu ada orang yang lebih layak lagi untuk jawatan itu.

Kemudian daripada itu, setelah masalah perlantikan Datuk Muda Linggi itu tidak dapat diselesaikan, Dewan Keadilan dan Undang malalui Setia Usaha Kerajaan Negeri Sembilan telah mengerahkan Pegawai Daerah Post Dickson mengendalikan pemilihan Datuk muda Linggi². Pada 10hb Jun 1975, satu jawatankuasa telah dibentuk dengan dipengerusikan oleh Pegawai Daerah sendiri iaitu Encik Shahadan bin Hj. Abd. Manas. Jawatankuasa ini cuma dianugerahkan untuk mengendalikan satu pilihan raya untuk memilih Datuk Muda tetapi tidak berkuasa untuk menentukan dasar pemilihan tersebut, sama ada mengikut adat atau lain-lain cara³. Jawatankuasa itu telah menetapkan tarikh 12hb Oktober 1975 sebagai hari pilihanruya tersebut yang akan diadakan disekolah Inggeris Linggi dimana waris-waris akan memilih calon Datuk Muda dengan membungkung undi secara pilihanraya.

Jawatankuasa itu kemudian mengeluarkan arahan kepada semua waris-waris Linggi yang layak mengundi supaya mendaftarkan diri dan tarikh mendaftar ditetapkan dari 1hb Julai 1975 hingga 30hb Julai 1975, sementara tarikh penamaan calon ditetapkan pada 4hb Oktober 1975⁴.

-
1. Ibid.
 2. Mohd. Ali Dahlan, op cit., hal. 244.
 3. Dari salinan minit mesyuarat J-kuasa tersebut.
 4. Mohd. Ali Dahlan, op. cit., hal. 247.

Pada hari penamaan calun, dua orang calun telah menyerahkan borang-borang pencalunan masing-masing dipejabat Daerah Port Dickson. Mereka ialah Hj. Mohd. Yusuf bin Ahmad dan Hj. Ismail bin Hj. Jalal. Sayugia diingat, kedua dua calun ini hampir bertanding antara satu dengan lain semasa mesyuarat ramai pada 29hb September 1974 dahulu. Selepas penamaan calun itu, kedua-dua calun dengan penyokong masing-masing telah mengadakan kempen dari rumah ke rumah menjelang hari pembuangan undi¹.

Dihari pembuangan undi pada 12hb Oktober 1975 itu, seramai 541 orang waris-waris Linggi yang telah mendaftar datang ke Sekolah Inggeris Linggi untuk membungling undi. Apabila selesai pengiraan undi, didapati Hj. Ismail telah memenangi pilihanraya itu dengan kelebihan 23 undi sahaja².

Keputusan pilihanraya itu telah dibawa kapada Dewan Keadilan dan Undang, tetapi calun yang dikemukakan itu tetap tidak mendapat pengesahan dari Datuk Kelana yang tetap dengan pandiriannya tidak akan mengiktiraf Datuk Muda selagi ia tidak dilantik mengikut cara adat.

Berbalik kepada pihak Datuk Panglima Besar Hj. Mohammad bin Pok, setelah calun pertama yang dikemukakannya, iaitu Mohd. Shah b. Mohd. Jan, tidak mendapat persetujuan Datuk Kelana disebabkan kurangnya kelayakan beliau untuk menyandang jawatan itu, maka pada 29hb Jun 1975, sekali lagi beliau telah mengumpulkan ahli-ahli waris Perut Hilir untuk mendapatkan kata sepakat mereka bagi memilih calun yang baharu untuk dikemukakan kapada Datuk Kelana. Hasil dari perjumpaan itu ahli-ahli waris

1. Ihd

2. Ihd. Hal ini juga tersirik dia akbar-akbar & mewati pada 14.10.1975.

Perut Hilir telah berkebulatan menyerahkan jawatan itu kepada Zaharin bin Hj. Maulud¹. Dalam perjumpaan itu juga Mohd. Shah telah bersetuju memulangkan pesaka itu kepada Zaharin dan satu salinan surat pengakuan Mohd. Shah telah dihantar kepada Datuk Kelana oleh Datuk Panglima Besar bersama-sama dengan surat beliau kepada Datuk Kelana bertarikh 1hb Julai 1975 memaklumkan pemilihan Zaharin itu. Dengan melihat latarbelakang Zaharin, berdasarkan pelajaran yang diterimanya terutama sekali dalam pendidikan ugama dan juga pengetahuannya tentang adat istiadat, boleh dikirakan ia layak memegang jawatan itu dan sudah sewajarnya Datuk Kelana lebih bersetuju menerima perlantikannya daripada Mohd. Shah.

Seminggu selepas itu, anak Mohd. Shah yang bernama Ramli yang tinggal disingapura telah menulis surat bantahan kepada Datuk Kelana melahirkan rasa tidak puashatinya terhadap perlantikan Zaharin sebagai Datuk muda. Ia menganggap perlantikan itu tidak mengikut giliran semalam sopatuinya dan menuduh Zaharin 'melanun' pesaka itu dari ayahnya yang lebih berhak dan seterusnya menuntut supaya ayahnya dilantik sebagai Datuk Muda Linggi². Nampaknya bantahan Ramli itu tidak mendapat sambutan dari Datuk Kelana kerana ayahnya Mohd. Shah telah memberi pengakuan memulangkan pesaka itu kepada Zaharin.

Akhirnya, pada 10hb April 1976, perlantikan Datuk Muda Linggi itu telah dibuat secara resminya oleh Datuk Kelana Putera Mohd. Kassim bin Datuk Nika Hj. Abd. Rashid, Undang Luak Sungai Ujung dimana Zaharin bin Hj. Maulud telah diremstiikan menyandang pesaka Datuk Muda itu dengan menjadi Datuk Muda Linggi yang ke 8. Dengan perasmian itu maka selesailah

-
1. Dari salinan surat D. Panglima Besar kepada D. Kelana bertarikh 1.7.1975.
 2. Salinan surat tersebut bertarikh 7.7.1975 dalam simpanan D.M. Zaharin.

keriusan perlantikan tersebut yang berjalan selama hampir dua tahun sejak kematiian Datuk Muda Hj. Yahya bin Abu pada 9hb. Ogos 1974. Walau pun ramai yang rasa tidak puas hati dengan perlantikan Zaharin itu, terutama sekali pihak yang menentang sistem adat berperut-perut itu, namun setakat ini tidak ada lagi sebarang tindakan yang positif yang mereka ambil, tambahan pula Dr. Mohd. Said yang merupakan jaguh dalam penentangan itu sekarang ini sedang uzur.

--
Kesimpulan

Terceburnya Linggi kedalam peraturan dan norma-norma adat Perpatih, seperti yang berlaku kepada perlantikan Datuk Muda itu, pada pendapat saya, adalah satu fenomena yang tidak dapat dielakkan, walau bagaimana gigih sekali pun perjuangan untuk mempertahankan adat "muafakat dan kebulatan" itu dari berubah menjadi adat "berperut-perut dan bergilir-gilir" oleh sebahagian dari waris-waris Linggi yang diketuai oleh Tan Sri Dr. Mohd. Said itu. Saya berpendapat demikian kerana memandangkan bahawa kedudukan Linggi itu adalah didalam luak Sungai Ujung yang sememangnya mengamalkan adat Perpatih, dan bersempadan pula dengan Rembau yang begitu terkenal tebal dengan adat tersebut hingga hari ini. Ini bersetujuan pula dengan perbilangan yang diberikan ka-

pada Linggi ketika mula-mula dibuka dahulu, iaitu 'beribu ke Rembau, berpapak ke Sg. Ujung'¹. Implikasinya, adat Perpatih yang diamalkan diRembau dan Sungai Ujung itu sebanyak sedikit pasti mempengaruhi adat Linggi yang dikatakan berdasarkan adat Temenggung itu.

Hal ini telah terbukti hila, hingga ke hari ini, perjuangan golongan waris-waris Linggi yang menentang adat berperut-perut yang dibuat semenjak 1935², setelah sistem tersebut mula diamalkan itu, masih lagi tidak menampakkan sebarang hasil kejayaan. Malahan setiap kali melantik Datuk Muda yang baharu, sistem berperut-perut mengikut giliran itulah yang dipakai dan berjaya mempertahankan kedudukannya.

Sikap dan semangat golongan waris-waris Linggi yang begitu kuat dan gigih menentang sistem adat berperut-perut dalam usaha mengakar adat 'muafakat dan kebulatan' mereka itu wajar juga kita kagumi. Walaupun setiap kali perlantikan Datuk Muda yang baharu dilakukan mengikut sistem adat Perpatih dan mereka menentang tetapi gagal, namun, pada perlantikan Datuk muda yang berikutnya mereka tetap berusaha menentang lagi

-
1. Rojok J.M. Gullick, op. cit., hal. 58. Ini juga disebut dalam surat A. Caldecott, seorang Residen British di N. Sembilan, kepada Datuk Kelana Putera Ma'amor- No. in G. 233/30, bertarikh 17 Februari 1930, mengenai hasil siasatan dua orang pegawai British, iaitu Egerton dan Douglas tentang sejarah waris Linggi. Salinan surat tersebut dipinjamkan oleh D. Muria Zaharin
 2. Dr. Mohd. Said dalam teks ucapan pada 29.9.1974.

dan usaha mereka yang terakhir itu juga nampaknya tidak berjaya juga setakat ini. Sekali pandang nampak kepada kita seolah-olah peribahasa Melayu yang mengatakan 'dimana bumi dipijak disitu langit dijunjung' itu tidak ada pada mereka. Yang penting bagi golongan ini ialah identiti yang diwarisi turun-temurun dari nenek moyang mereka itu harus dipelihara dan dikalkulkan.

Hakikat ini dapat kita fahamkan kerana memang telah diakui bahawa penduduk Linggi tidak pernah mengamalkan adat Perpatih¹. Jadi, se lagi pengaruh adat itu masih kukuh, waris-waris Linggi merasa terhina seolah-olah mereka tidak mempunyai keperibadian sendiri dan seolah-olah mereka tidak mempunyai keperibadian sendiri dan seolah-oleh adat 'musafikat dan kebulatan' mereka lebih rendah darjatnya dari adat Perpatih'. Disamping itu juga, waris-waris Linggi merasa tidak puashati kerana pemilikan Datuk Muda mengikut sistem adat Perpatih itu hanya menguntungkan sebahagian kecil sahaja dari mereka iaitu mereka yang berwaris dari

-
1. Ini diakui oleh jawatankuasa yang dilantik oleh Dewan Keadilan dan Undang pada tahun 1959 bagi menentukan adat Linggi dan lapuran itu telah disampaikan kepada DYMM Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan pada bulan Disember 1959. Salinan lapuran jawatankuasa tersebut ada dalam simpanan Dato' Mukla Zaharin. Hal ini juga dinyatakan oleh Dr. Mohd. Said dalam ucapan beliau kepada waris-waris Linggi pada 29.9.1974.
 2. Ini berdasarkan kepada riakai segolongan waris Linggi apabila mengetahui beberapa orang Dato' Muda Linggi, seperti Mohd. Bustam, Hassan Pok dan Haji Yahya ada menjunjung Duli ke Seri Menanti atau menyembah Dato' Kelana dan Dato' Bandar Sg. Ujung dalam masa-masa tertentu. Rojok Mohd. Ali Dahlan, opo cit., hal. 258 serta lampiran 16(J) hal. 408.

sebelah ibu sedangkan sebahagian besar waris dari sebelah bapa tidak berpeluang menyandang apa-apa jawatan pembezir Linggi¹.

Dalam krisis perlantikan Datuk Muda Linggi yang ke 8 itu, sebagaimana yang telah kita lihat, pertikaian berlaku bulan sahaja diantara dua golongan yang besar yang bertentangan diantara satu sama lain, iaitu golongan yang menyokong adat berperut-perut dengan golongan yang mementangnya, bahkan pertikaian juga berlaku didalam kedua-dua golongan itu sendiri, misalnya, didalam Perut Hilir diantara pehak Zahirin, Mohd Shah dan Datuk Panglima Besar Hj. Mohammed bin Pok, dan dalam golongan yang diwakili oleh Dr. Mohd. Said, pertikaian yang ditimbulkan oleh Kassim Harun. Jadi, 'krisis dalam krisis' ini menyebabkan keadaan itu menjadi agak rumit hingga mengambil masa hampir dua tahun bagi mendapatkan seorang pengganti Datuk Muda itu.

Saya bersetuju dengan pendapat Hj. Mohd. Yusuf, salah seorang yang pernah dicalunkan untuk jawatan Datuk Muda itu, yang mengatakan bahawa krisis ini adalah berpunca dari orang Linggi sendiri sejak selepas kematiian Datuk Muda Mohd. Peral (D. Muda ke 3) dahulu. Katanya, orang Linggi adalah tomak – masing-masing ingin merebutkan jawatan itu setiap kali tiba masa memilih Datuk Muda yang baharu. Kalau hulunya telah keruh, hilirnya juga turut keruh². Sekian .

1. Temubual dengan Hj. Mohd. Yusuf.

2. Temubual dengan Hj. Mohd. Yusuf.


Informasi Utama:

1. Zaharin bin Hj. Maulud. Beliau ialah D. Muda Linggi yang sekarang. Lahir pada 9.1.1933 di Kg. Pengkalan Durian, Linggi, berumur 46 tahun. Beliau menerima pendidikan awal di Sekolah Melayu Linggi hingga tamat Dr. 6 pada tahun 1949. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab Al. Attas, Johor Baharu hingga 1952. Seterusnya ke Sekolah Al. Mashor, P. Pinang hingga 1954 dan Sekolah Idrisiah K. Kangsar hingga 1957. Belajar Bahasa Inggeris di Sekolah Persendirian Bukit Chandan, K. Kangsar dan lulus L.C.E pada tahun 1956. Pada tahun 1957 bekerja sebagai kerani di Sy. Dunlop Singapura dan mengajar sambil ^{an}/dikelas Dewasa Singapura selama 8 tahun. Dalam tahun 1968 apabila Singapura keluar dari Malaysia, beliau bertukar ke Sy. Dunlop di Johor Baharu. Berhenti bekerja pada tahun 1974 untuk memperjuangkan pasaka Datuk Muda dan pada 1976 dilantik dengan resmi sebagai Datuk Muda Linggi hingga sekarang.


2. Hj. Mohd. Yusuf b. Ahmad. Pendidikan awal di Sekolah Melayu Linggi, kemudian Maktab Melayu Melaka dan MCKK, Pernah menjadi Penolong Nadzir Sekolah-sekolah Melayu Selangor dan kemudian Penolong Pengetua MPSI Tg. Malim. Beliau juga menjadi Setiausaha Sulit kepada DYMM Yang Dipertuan Agung yang pertama sebelum bersara. Sekarang beliau menjadi Pengurus Lembaga Pengalola Sekolah Menengah Linggi dan Sekolah Rendah Kebangsaan Linggi. Beliau pernah menumpukan usaha untuk menyelidik dan mengumpul bahan-bahan mengenai sejarah Linggi dan hasil sebasatan beliau ada dituliskannya tetapi tidak pernah diterbitkan dalam bentuk buku.

Rojokan

1. Mohd. Ali Dahlam, 'Linggi Sejarah Perkembangan Sistem Politiknya Abad 19 dan 20', Thesis untuk keperluan Ijazah B.A (Hons) Jabatan Sejarah Universiti Malaya, 1975/76.
2. Gullick, J.M., 'Sungai Jujung' , JMBRAS Vol. XII Pt. 2, 1949.
3. Wilkinson, R.J., 'Sungai Ujung' , JSBRAS, No. 83, 1921.
4. Winstedt, R.O., 'History of Negeri Sembilan' , JMBRAS, Vol. XII, Pt. 3, 1934.
5. Mohd. Said b. Mohammad, Dr., Tan Sri, Teks ucapan dalam mesyuarat Ramai waris-waris Linggi, 29.9.1974.
6. Caldecott, A., Surat kepada Datuk Kelmpa Putera Maamor mengenai sejarah waris Linggi, No. in G 233/30, bertarikh 17hb. Feb. 1930.



● Dulu...di sini dagang lalu dan pergi. Namun Sungai Linggi terus jua menyimpan kisahnya.



◎ Kini, kemodenan kian menjengah.